

# Kunjungan perpisahan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Oktober. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan perpisahan dari Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.

Turut hadir pada kunjungan perpisahan tersebut, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet & Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya

Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar; Timbalan Jurutulis MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail serta beberapa pegawai dari Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Pada kunjungan tersebut, kedua-dua belah pihak menghargai hubungan erat di antara kedua-dua buah negara dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang baik sepanjang perkhidmatan Puan Yang Terutama sebagai Duta di Negara Brunei Darussalam.

Kedua-dua belah pihak berharap agar hubungan baik tersebut akan terus kekal dan semakin kukuh di antara kedua-dua buah negara.



YANG DI-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan perpisahan dari Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.

## Majlis Khatam Al-Quran, Doa Kesyukuran UNISSA



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (empat, kiri) selaku tetamu kehormat memulakan bacaan Surah Al-Fatiha bagi memulakan Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Hafli Al-Takharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Ke-7.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Oktober. - Seramai 120 bakal graduan diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Hafli Al-Takharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Ke-7 terdiri daripada 35 mahasiswa

dan 85 mahasiswa dari Program Sarjana Muda, Program Diploma dan Program Peningkatan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji

Osman.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian

Pendidikan dan pengarah-pengarah Kementerian Pendidikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh tetamu kehormat diikuti dengan bacaan beramai-ramai peserta bakal graduan dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas. Diikuti dengan bacaan Takhtim oleh para mahasiswa dan disudahi dengan bacaan Doa Khatam oleh graduan Program Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir dan Hadith), Awang Muhammad Hashim bin Haji Abdullah.


Acara diteruskan dengan Penyerahan Sijil Khatam Al-Quran kepada para graduan oleh tetamu kehormat diiringi dengan persembahan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran oleh graduan Sarjana Muda Sains Kewangan Islam, Awang Al-Hadi bin Zainal Abidin sempena

penamatan pengajian bakal graduan di UNISSA.

Majlis tersebut merupakan salah satu acara tradisi tahunan yang diungkapayakan bagi menyemarakkan Sambutan Hafli Al-Takharruj UNISSA.

Antara tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menanamkan dan menyuburkan budaya pembacaan Al-Quran dalam kalangan para mahasiswa dan mahasiswi, sama ada secara berseorangan atau berkumpulan, serta bagi menzahirkan rasa kesyukuran, di samping menjunjung hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir juga mengamalkan penghayatan terhadap falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

## ABAC Brunei bentangkan Laporan Tahunan 2017



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng (kiri) menerima pembentangan Laporan ABAC 2017 yang berjudul 'Creating New Dynamism, Fostering a Shared Future' dari Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) Brunei Darussalam yang dibentangkan oleh Ahli ABAC, Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadi (tengah) dan Soon Loo (kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Sekretariat ABAC Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 11 Oktober. - Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) Brunei Darussalam telah membentangkan Laporan ABAC 2017 yang berjudul 'Creating New Dynamism, Fostering a Shared Future' kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng. Laporan dibentangkan oleh Ahli ABAC, Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadi dan Soon Loo.

Laporan tersebut menekankan kerja-kerja yang dijalankan oleh ABAC sepanjang tahun dan cadangan untuk membantu mengekalkan momentum pertumbuhan yang inklusif dan kemakmuran di rantau Asia-

Pasifik. Tumpuan kerja tahun ini adalah usaha berterusan ABAC bagi memastikan program kerja yang lebih efisien dengan APEC.

ABAC juga menggesa inisiatif dasar yang jelas dan pembaharuan struktur berkesan untuk bidang keutamaan berikut, iaitu membolehkan Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik (FTAAP), menyusulkan agenda perkhidmatan baharu, meningkatkan kewujudan PMKS global melalui ekonomi digital dan platform e-Dagang, meluaskan akses PMKS dengan kewangan dan memupuk pengupayaan ekonomi wanita.

Kerajaan, tegas ABAC, perlu menegaskan semula sokongan mereka terhadap perdagangan berdasarkan peraturan berbilang hala dan pembukaan pasaran yang progresif yang menyokong kemakmuran era moden dan sentralistik Pertubuhan Perdagangan Dunia.

ABAC juga menggariskan bahawa integrasi ekonomi yang

lebih besar di rantau Asia Pasifik akan meningkatkan kemakmuran Negara Brunei Darussalam. Memandangkan negara memberi tumpuan pada pencapaian Wawasan 2035, kerajaan perlu komited terhadap pencapaian Matlamat Bogor dan visi untuk tempoh selepas 2020 untuk merealisasikan FTAAP.

Selain itu, sebagai sebahagian daripada agenda hubungan penting APEC, ABAC menggesa Negara Brunei Darussalam untuk mengiktiraf potensi transformasi akses berkesan ke internet dan ekonomi digital untuk Negara Brunei Darussalam.

ABAC menyeru kerajaan untuk memberi keutamaan dan memudahkan pembangunan dan kerjasama dengan rakan kongsi yang berpotensi dalam infrastruktur digital teras. Para ahli juga mengiktiraf sektor perkhidmatan, termasuk perdagangan dalam perkhidmatan, sebagai penjana utama pertumbuhan.